

24 SEP 2001

Mahathir-pengganas

KITA AKAN TANGKAP PENGGANAS JIKA MEREKA ADA DI M'SIA, KATA DR MAHATHIR

SEMOP (Bahagian Sarikei, Sarawak) 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Malaysia bertanggungjawab untuk menangkap sesiapa saja yang disyaki menjadi pengganas oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) jika terbukti mereka adalah pengganas.

Perdana Menteri berkata jika mereka melakukan jenayah di Amerika Syarikat, mereka akan dihantar ke negara itu.

"Tetapi jika mereka melakukan jenayah di negara ini, kerajaan bertanggungjawab menanganinya," katanya kepada pemberita di sini selepas melancarkan projek bekalan air di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Malaysia akan menghadapi sebarang tindakan oleh Amerika jika negara ini gagal menyerahkan mana-mana orang yang disyaki menjadi pengganas. Malaysia adalah antara sembilan negara Islam dan Arab yang diminta berbuat demikian ekoran kejadian dua pesawat penumpang dipercayai dirampas oleh pengganas untuk merempuh dan meranapkan menara kembar World Trade Center di New York 11 Sept lepas.

Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti sama ada terdapat permintaan sedemikian oleh Amerika kerana apa yang beliau tahu adalah menerusi laporan akhbar.

Dalam ucapannya semasa merasmikan projek bekalan air berharga RM55 juta itu, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kejadian itu dengan berkata mereka yang bertanggungjawab melakukan serangan terhadap World Trade Center itu akan dibawa ke muka pengadilan.

"Malangnya, jika Amerika menyerang Afghanistan kerana mendakwa menyumbunikan pengganas, ramai yang tidak berdosa akan menjadi mangsa. Saya berharap ini tidak akan berlaku," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia bernasib baik kerana walaupun ia negara berbilang kaum, agama dan budaya, rakyat umumnya bersikap bertolak ansur.

"Tentulah ada segelintir mereka yang berhasrat untuk menimbulkan huru hara tetapi kita berjaya menyekat mereka, menangkap dan memasukkan mereka dalam penjara," katanya.

-- BERNAMA

ESS MAI